



جائزہ کیا کیمن شریعہ کورٹولاوشیح

KETUA HAKIM SYARIE

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang
Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427
Laman Web: <http://www.penang.gov.my/jabatan/Mah.Syariah/index.html>



Rujukan kami : JKS/PP/100/ 3-19 (65)

Tarikh : 30 Januari 2012
6 Rabiulawwal 1433H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah

Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar

Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan / Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 2 TAHUN 2012
PINDAAN KE ATAS PENGHAKIMAN/ PERINTAH MAHKAMAH**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Hakim-Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 6 Tahun 2011 pada 13 Januari 2012 telah bersetuju dan memutuskan bahawa pindaan ke atas penghakiman/ perintah Mahkamah adalah seperti berikut:-

- 1) Pindaan ke atas penghakiman/ perintah Mahkamah disebabkan kesilapan teknikal seperti:-
 - a) Kesilapan perkeranian (*clerical mistakes*);
 - b) Ralat (*errors*) yang berbangkit dalam penghakiman atau perintah;
 - c) Keciciran (*omissions*) dalam sesuatu penghakiman atau perintah; dan
 - d) Peninggalan tidak sengaja (*accidental slip*) dalam sesuatu penghakiman atau perintah

hendaklah dibuat melalui surat rasmi ke pentadbiran Mahkamah Syariah yang berkenaan tanpa perlu memfailkan permohonan ubah perintah. Perintah yang asal hendaklah dikepulkan bersama oleh pihak-pihak kepada Mahkamah untuk dibatalkan.



SIRIM



ISIRI MALAYSIA

ISIRI MALAYSIA

Accreditation No.

QS 02121899 CB 01

NO. PENDAFTARAN: AR 3103

SYARIAH ASAS KEADILAN
(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)

- 2) Pindaan ke atas penghakiman/ perintah Mahkamah yang disebabkan:-
- a) Perubahan matan; dan
 - b) Selain perkara yang disebutkan di dalam perenggan 1
hendaklah dibuat dengan memfailkan permohonan ubah perintah melalui saman dan penyata tuntutan dan pihak-pihak diwajibkan hadir sewaktu prosiding ubah perintah.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 30 Januari 2012.

Sekian, terima kasih.

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“ SYARIAH ASAS KeadILAN”

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HAJI YUSOF BIN MUSA)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang